

08 JUL 1999

CLOB-CADANGAN

CADANGAN SES BERKAITAN SAHAM CLOB TELAH DIHANTAR KE BSKL

SINGAPURA, 8 Julai (Bernama) -- Bursa Saham Singapura telahpun menghantar cadangan bagi mengeluarkan saham-saham Malaysia yang dahulunya diniagakan di bursa Central Order Limit Book (CLOB) Singapura secara berperingkat-peringkat kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Memetik sumber-sumber, akhbar Business Times di sini hari ini melaporkan yang cadangan berkenaan telahpun dihantar awal minggu ini, tetapi tiada butiran lanjut diberikan.

Akhbar itu menyatakan cadangan berkenaan mengandungi jadual pengeluaran berperingkat saham-saham dari Pusat Depositori Singapura ke Depositori Malaysia, yang mana saham-saham itu kemudiannya boleh diniagakan di BSKL.

Cadangan yang dikemukakan itu bertujuan mengatasi kebimbangan pihak-pihak berkuasa Malaysia yang bimbang pemindahan saham-saham Kuala Lumpur itu akan menyebabkan perlonggokan ketara saham-saham oleh pelabur-pelabur yang beroperasi di Singapura.

Ini kemungkinan boleh menyebabkan pergerakan pasaran saham Malaysia "terganggu" selepas berada dalam keadaan memuaskan sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

Bulan lepas, SES telah menawarkan BSKL satu penyelesaian yang menguntungkan kedua-dua pihak yang mana tawaran itu tidak akan mengganggu pasaran Malaysia dan kekal di dalam batas perjanjian yang ditandatangani oleh pusat depository sekuriti kedua-dua negara mengenai perpindahan saham-saham Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan sebagai berkata, Kuala Lumpur sentiasa bersikap terbuka terhadap apa sahaja cadangan, asalkan tidak mengganggu pergerakan bursa saham tempatan.

Tetapi jika rancangan SES itu diterima oleh BSKL, ia boleh menenggelamkan tawaran-tawaran yang dibuat oleh pihak swasta untuk saham-saham CLOB sebelum ini, kata akhbar itu.

Sebahagian besar pemegang-pemegang saham CLOB sebelum ini telahpun menolak tawaran tunai yang dibuat oleh Effective Capital. Tawaran-tawaran oleh Bintang Melewar dan Telekom-UEM juga dikatakan tidak begitu menarik memandangkan harga pembelian saham yang dibuat oleh mereka jauh amat rendah berbanding dengan harga pasaran semasa.

Telekom Malaysia dan United Engineers Malaysia (UEM) merupakan konsortium ketiga menawarkan diri untuk menyelesaikan masalah CLOB, selepas Effective Capital Sdn Bhd dan Bintang Melewar Sdn Bhd.

Saham-saham Malaysia yang diniagakan di CLOB telah digantung urusanniaga September lalu selepas Malaysia mengenakan langkah kawalan modal selektif.

Saham-saham itu yang dipegang oleh 172,000 pelabur, kebanyakannya rakyat Singapura, kini bernilai RM14.5 bilion. Rakyat Malaysia memegang kira-kira 20 peratus daripada saham-saham berkenaan.

-- BERNAMA

MKO AA MA